

## RAWATAN ALTERNATIF

## TERAPI TENAGA

**R**AWATAN yang menggunakan kuasa tenaga kian mendapat tempat dalam masyarakat sebagai rawatan alternatif kepada rawatan moden Barat.

Namun, apakah yang dimaksudkan dengan rawatan yang menggunakan kuasa tenaga atau mudahnya disebut sebagai *energy medicine* itu?

Ini adalah perubahan yang menggunakan kuasa semula jadi tubuh untuk menyembuhkan penyakit dengan mengembalikan tenaga yang telah lemah, terganggu atau tidak seimbang di dalam tubuh.

Dan kelebihan rawatan begini, seperti yang diajukan oleh pengamalannya, ialah ia mampu menyembuhkan bukan sahaja penyakit fizikal, malah masalah mental dan emosi pesakit sambil membantu mencapai tahap kesembuhan dan kesegaran maksimum.

Sungguh luas penerimaan terhadap rawatan sebegini dewasa ini, hingga ia diramalkan akan menjadi bentuk rawatan perubahan pada masa akan datang.

Mengulas tentang rawatan yang menggunakan teknik-teknik termasuk terapi tenaga elektro magnetik dan teknik yang lebih tradisional seperti akupunktur, yoga dan kinesiologi (rawatan menggunakan titik otot-otot untuk menyembuhkan penyakit), Dr Ashruff S. Eilyass, seorang doktor rawatan am, berkata:

"Sejauh ini belum terdengar rawatan ini memberi kesan negatif kepada pesakit, tetapi pada masa yang sama belum ada bukti saintifik yang menunjukkan ia berkesan. Jadi, terserahlah kepada pesakit memilihnya untuk menyembuhkan penyakit mereka."

Di sini, antara alat-alat terbaru yang digunakan untuk merawat pesakit dengan menggunakan tenaga kuasa elektro magnetik ialah alat yang menggunakan empat sumber kuasa yang dikatakan dapat memberikan rawatan menyeluruh kepada pesakit.

Ini hasil kajian saintifik Jerman yang telah dijalankan selama 20 tahun, demikian menurut salah seorang penguji teknik rawatan tersebut di sini, Encik Khairuddin Hussein.

Ditemui di pejabat tempat beliau berkhidmat sebagai perundingcara rawatan itu, Encik Khairuddin menjelaskan bahawa empat sumber kuasa yang digunakan dalam alat itu ialah:

► Tenaga elektrik tinggi yang dapat menyegarkan semula sel tubuh,



FOTO: TAUFIK A. KADER

**CUBA ALAT TERAPI:** Beberapa pesakit sedang menggunakan alat terapi magnetik dengan diperhatikan perundingcara rawatan itu, Encik Khairuddin Hussein (berdiri di kiri). Di sebelahnya (berdiri) ialah Encik Gibson Tan, pengarah eksekutif Emtech Wellness International Pte Ltd, dan duduk bertundung ialah Cik Zaharah Kehot, 80 tahun, yang menghidap sakit bisa kaki.

membbaiki metabolisme, mengimbangi kadar alkalin dan asid dalam darah, membersihkan darah dan memulihkan sistem saraf.

► Tenaga tinggi magnetik yang boleh membaiki peredaran darah, menyegarkan sel-sel, membaiki sistem imun dan melegakan sakit.

► Kuasa *far infrared* yang dapat menyegarkan sel-sel kulit, mengurangkan rasa letih dan mengurangkan inflamasi.

► Kuasa *thermaxibustion* yang dapat membesarkan saluran-saluran darah, menghapuskan darah beku dan menambah pengaliran darah.

Salah seorang pesakit yang menggunakan rawatan itu ialah Cik Zaharah Kehot, 80 tahun, yang mengalami bisa di kaki selepas terjatuh.

Beliau merupakan antara lebih 10 pesakit yang kelihatan mendapatkan rawatan percuma di pejabat yang menyediakan rawatan *Emtech HUFT Therapy* tersebut.

"Saya baru datang pertama kali di sini untuk mencuba rawatan ini. Sepupu saya dah datang dan katanya, sakit kakinya kerana artritis dah baik setelah gunakan alat ini," kata Cik Zaharah.

Pejabat yang dimaksudkan ialah di bangunan Midlink Plaza di Middle Road, yang buat masa ini menyediakan khidmat rawatan secara percuma kepada pesakit.

Pesakit hanya perlu meletakkan kedua-dua tapak kaki mereka di atas alat terapi magnetik itu selama setengah jam bagi mendapatkan kesan ra-

watan.

Mereka perlu menjalani rawatan ini sebanyak 15 sesi sebelum dapat merasakan kesannya.

Malah, untuk membolehkan lebih ramai orang mencuba alat itu, syarikat *Emtech Wellness International Pte Ltd* yang menyediakan rawatan ini telah mendormakan beberapa alat tersebut kepada beberapa badan termasuk Pusat Khidmat Keluarga Rotary di Blok 346, Clementi Avenue 5.

Di Hongkong, ia mempunyai 17 buah pusat rawatan sedemikian.

Satu alat itu dijual dengan harga \$6,500.

Keterangan lanjut mengenai rawatan ini dan khidmat percuma yang disediakan boleh didapati dengan menelefon 6337-0065.